



**TEKS UCAPAN**

**YBHG. KPjR TUAN ZULKIFLI BIN ABIDIN  
KETUA PENGARAH  
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)**

**SEMPENA**

**UCAPAN PERUTUSAN DASAR AMANAT TAHUN 2018**

**DEWAN SERBAGUNA, ARAS 9  
KOMPLEKS D, IBU PEJABAT RELA MALAYSIA, KDN**

**PADA 11 JANUARI 2018  
JAM 11.00 PAGI**

**“SETIA BERBAKTI”**



**PERUTUSAN AMANAT TAHUN 2018  
KETUA PENGARAH  
JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH  
SALAM SEJAHTERA, SALAM NEGARAKU MALAYSIA DAN SALAM 1RELA**

Yang saya muliakan saudara/saudari pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Mantan TKSU (K) KDN, Dato' Sri Mustafa Bin Haji Ibrahim;

Yang Berbahagia Dato'-Dato' Mantan KP RELA;

Yang Berusaha TKPjR Tuan Haji Kamarudin Bin Mohd Rapig;

Yang Berusaha Mantan TKPP RELA dan Pengarah Bahagian RELA;

Yang Setia Barisan Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat RELA Malaysia;

Barisan Pengarah-Pengarah RELA Negeri, Komandan-Komandan Pusat Latihan, Ahli-Ahli Kehormat dan Bersekutu RELA, Pegawai dan Kakitangan Jabatan RELA;

Serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, segala puji dan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan inayahNya dapat kita berkumpul pada hari ini. Saya juga turut bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua saya berkesempatan untuk menyampaikan Perutusan Amanat sempena dengan kehadiran tahun baru 2018. Saya kira belum lagi terlambat untuk saya mengucapkan selamat menyambut tahun baru 2018 kepada semua warga RELA di seluruh negara.

### **'SELAMAT TAHUN BARU 2018'**

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pucuk Pimpinan Tertinggi Kementerian Dalam Negeri (KDN), Ahli-Ahli Kehormat dan Bersekutu RELA, Pegawai dan Anggota RELA, semua lapisan warga kerja RELA, dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung yang telah memberi sokongan dan komitmen tinggi serta kerjasama yang padu dalam menjayakan setiap agenda Jabatan RELA sepanjang tahun 2017 yang lalu. Tanpa sokongan, komitmen dan kerjasama yang jitu kita tidak mampu maju dan mencapai kejayaan sebagaimana sekarang.

### **Y.BHG DATO' SRI, DATO-DATO, DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,**

Merentasi tempoh 12 bulan yang lalu, RELA telah melalui banyak perubahan dan pengalaman yang membawa kita kepada tahap kematangan daripada pelbagai segi aspek kompleksiti. Kejayaan demi kejayaan pada tahun 2017 telah berjaya meletakkan RELA ke tahap yang tersendiri seterusnya dapat memenuhi pencapaian yang

dikehendaki oleh '**core stakeholder**'. Empat (4) Amanat Ulung semasa saya mengambil alih teraju kepimpinan RELA iaitu:

- i. Pemantapan Modal Insan;
- ii. Memperkasa Peranan RELA Sebagai '**Mata dan Telinga Kerajaan**';
- iii. Menaiktaraf Kebajikan Warga RELA, dan;
- iv. Meningkatkan Integriti Pegawai dan Anggota.

Semoga segala yang telah kita rancang pada tahun lalu mampu dijadikan contoh dan teladan untuk kita realisasikan usaha yang lebih baik pada tahun ini. Kini peranan dan tugas RELA lebih fokus kepada situasi semasa berkonsepkan kepada teras **5K1P** iaitu bidang keselamatan, keamanan, kesejahteraan, keharmonian, kesatuan dan perpaduan seiring dengan slogan tranformasi kerajaan "**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**".

Dalam nada yang sama, suka untuk saya menyatakan bahawa kepercayaan kerajaan dan rakyat terhadap RELA semakin hari semakin tinggi. Perkara ini tidak mampu disangkal lagi apabila RELA sehingga kini mampu menzahirkan ketumbukan kesukarelawanan yang tinggi sehingga mampu dilabelkan sebagai "**Benteng Pertahanan Kedua**", negara.

Hal ini boleh dibuktikan bagaimana keyakinan pihak kerajaan terhadap RELA dalam keputusan **Mesyuarat Jemaah Menteri** pada **17 September 2017** telah meluluskan untuk menempatkan anggota RELA dalam penugasan **ESSZONE** dan kawalan sempadan di beberapa

kawasan sempadan darat Sabah dan Sarawak bersama-sama Agensi Keselamatan Awam yang lain bermula pada **1 Januari 2018**. Kepercayaan yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan ini adalah hadir dengan usaha gigih dan komitmen yang telah selama ini kita curahkan kepada negara seiring dengan semangat “**Setia Berbakti**”, yang kita laungkan selama ini.

Komitmen ini juga haruslah hadir dengan penafsiran semula tahap kesiapsiagaan semasa Jabatan bagi menjamin keseimbangan keupayaan Jabatan dalam dimensi tanggungjawab Jabatan yang kian mencabar. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar fokus Jabatan harus diutamakan selari dengan keperluan dalam **Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752)**.

**Y.BHG DATO’ SRI, DATO-DATO, DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,**

Saya juga ingin menyorot kembali serba ringkas kejayaan-kejayaan yang telah kita capai sepanjang tahun 2017, antaranya seperti berikut:

- i. Pencapaian keseluruhan KPI 2017 RELA Malaysia telah mencapai **216%** di peringkat KDN manakala pencapaian KPI keseluruhan Jabatan pula sebanyak **110%**;
- ii. Peranan RELA diperluaskan dengan turut serta membantu Kawalan **ESSZONE** dan Sempadan Darat Sabah dan Sarawak;
- iii. RELA menjadi pendukung aktif dalam melaksanakan Program **National Blue Ocean Strategy (NBOS)** bersama Agensi Keselamatan Awam yang lain;

- iv. Penugasan **121** Pusat Khidmat Komuniti RELA (PKKR) yang melebihi **123%** daripada sasaran asal;
- v. Pelaksanaan **#MisibantuanRELA 2.0 untuk bencana banjir** di kawasan yang terjejas di seluruh negara, dan;
- vi. Memenangi tempat **Pertama / Terbaik** hos perhimpunan bulanan KDN mengalahkan agensi-agensi yang lebih besar dan mempunyai tenaga kerja yang lebih ramai.

Jika diamati kepada kejayaan yang telah kita capai sepanjang tahun 2017, RELA berada di landasan yang terbaik dalam menyumbang kesejahteraan dan keharmonian rakyat, merapatkan apa jua jurang perbezaan dalam erti kata perpaduan dan menentukan kesinambungan dasar-dasar kerajaan yang semuanya menjurus kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Maka pada tahun ini skop penugasan dan budaya kerja RELA haruslah ditambah baik selari dengan keperluan semasa Jabatan yang kian dinamik dan kompleks.

**Y.BHG DATO' SRI, DATO-DATO, DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,**

Bagi mencapai hasrat tersebut, Amanat bagi tahun 2018 saya adalah dengan melaksanakan dan mengukuhkan **Lima (5) Strategi Utama** dalam agenda memperkasa dan memartabatkan RELA seperti berikut:

**STRATEGI PERTAMA:** Penumpuan kepada **kebajikan warga RELA** melalui inisiatif seperti berikut:

- i. **Menambahbaik elaun penugasan RELA**, insurans kelompok, pakaian seragam dan lain-lain inisiatif kepada warga RELA;
- ii. **Pelan perjawatan dan penempatan** Pegawai dan Kakitangan RELA yang komprehensif;
- iii. **Penyelarasan pangkat Pegawai dan Anggota RELA** dan penyusunan semula **Platun RELA** di seluruh negara;
- iv. **Pengiktirafan kepada Pegawai dan Anggota RELA** mengikut kecemerlangan dan prestasi;
- v. **Penjenamaan RELA Malaysia** agar warga RELA lebih dihormati dan disegani;
- vi. **Penubuhan Kelab Kebajikan & Rekreasi RELA** di negeri-negeri.

**STRATEGI KEDUA:** **Pemeriksaan RELA** dalam menyumbang kepada **keselamatan dan keamanan** negara melalui strategi berikut:

- i. **Membantu Agensi Keselamatan** dalam kawalan kawasan **ESSZONE** dan beberapa kawasan sempadan darat Sabah dan Sarawak;
- ii. **Menubuhkan Rondaan Khidmat Komuniti** melibatkan Pusat Khidmat Komuniti RELA (PKKR) di kawasan **hotspot** di seluruh negara;
- iii. **Mewujudkan Rondaan Khidmat Komuniti RELA secara sukarela** melibatkan **157** daerah di seluruh negara dengan **314** rondaan secara berkala;

**STRATEGI KETIGA: Mengeratkan kesatuan dan perpaduan serta kesejahteraan dan keharmonian masyarakat di Malaysia melalui perkara berikut:**

- i. **Meluaskan Program Khidmat Bakti RELA** dengan program berimpak tinggi;
- ii. **Mengaktifkan Tabung #MisiBantuanRELA** untuk bantuan bencana dan kemanusiaan di peringkat nasional dan antarabangsa;
- iii. **Memperkasakan Briged RELASIS** serta meluaskan lagi penubuhannya di Institusi Pengajian Tinggi (IPT);
- iv. **Meningkatkan penyertaan Ahli Kehormat dan Bersekutu** dalam Program RELA;
- v. **Penyelarasan penubuhan Kelab Kehormat & Bersekutu RELA** di negeri-negeri.

**STRATEGI KEEMPAT: Perneriksaan penyampaian perkhidmatan RELA Malaysia melalui berikut:**

- i. **Menaiktaraf Pusat Latihan RELA** Negeri Sabah dan Akademi Latihan RELA Malaysia (ALARM) dan **pembinaan Pusat Latihan RELA** Negeri Sarawak;
- ii. **Menambahbaik modul Kursus Asas dan Kursus Pengenalan** bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Anggota RELA;
- iii. **Mengemaskini Arahan Tetap Ketua Pengarah dan S.O.P** agar sentiasa relevan;
- iv. **Mewujudkan Peraturan RELA** selaras dengan Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752);



- v. **Memperkasa modul Kursus Asas CMT dan Kursus Lanjutan CMT** Pegawai dan Anggota RELA;
- vi. **Meningkatkan tahap kesediaan, kekemasan dan operasi** Pusat Khidmat Komuniti RELA (PKKR) di seluruh negara;
- vii. **Mewujudkan sistem aplikasi telefon pintar e-Penugasan** RELA bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

**STRATEGI KELIMA: Pemantapan Integriti Pegawai dan Kakitangan** RELA Malaysia melalui berikut:

- i. Pelaksanaan **Ikrar Bebas Rasuah** dan **Ikrar Integriti** Perkhidmatan Awam;
- ii. Pelaksanaan **program penerapan nilai-nilai murni** di semua peringkat.

Dalam mendepani cabaran semasa, saya menyeru agar **Lima (5) Strategi Utama** tersebut dapat difahami dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin oleh semua Warga RELA. Oleh itu, ayuh bersama saya kita laksanakan misi ini dengan penuh istiqamah dan bersungguh-sungguh agar Jabatan RELA terus mengorak langkah ke hadapan setanding dengan Jabatan lain.

**Y.BHG DATO' SRI, DATO-DATO, DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,**

Segala usaha murni yang selama ini telah kita rancang sama ada di peringkat Jabatan mahupun di peringkat nasional sudah lahir bibit-bibit kepercayaan dan kejayaan yang berjaya kita tonjolkan. Ini diterjemahkan oleh pihak kerajaan dalam pengumuman **Bajet 2018** pada **27 Oktober 2017** apabila RELA telah diberi peruntukan berjumlah

**RM225.973 juta** iaitu peningkatan sebanyak **288%** berbanding tahun lalu bagi tempoh perbelanjaan tahun 2018.

Peruntukan pada tahun ini boleh dianggap suatu peruntukan yang cukup luar biasa yang telah diberikan pihak kerajaan kepada RELA hasil daripada komitmen kerja yang telah warga RELA curahkan selama ini. Untuk itu, semarakkan **Gelombang Kesukarelawanan** sebagai rasa kesyukuran kita semua, kita tunjuk dan kita buktikan bahawa **Ikrar RELA** yang kita laungkan selama ini adalah ikrar keramat, kita berdiri teguh dengan slogan **“Dari Rakyat, Bersama Rakyat, Untuk Rakyat”**. Harapan saya semoga pada tahun ini kita bukan sahaja dapat mengekalkan kecemerlangan tetapi juga berupaya memantapkan lagi usaha untuk merealisasikan peranan RELA sebagai sebuah Jabatan yang lebih berwibawa dan dinamik.

Saya percaya semua ini tidak datang dengan cara bergolek. Ia hasil penat lelah semua pihak dan hasil asas yang kukuh yang telah diletakkan oleh mantan-mantan Ketua Pengarah dan Pegawai yang lalu yang meletakkan ia berada di mana ia sekarang. Untuk itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan-mantan Ketua Pengarah dan Pegawai-Pegawai Kanan yang hadir pada hari ini.

**Y.BHG DATO' SRI, DATO-DATO, DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,**

Masa bersilih ganti, 46 tahun masa berlalu dengan penuh makna. Suka saya ingin tekankan bahawa pada **11 Februari 2018** kita akan mengadakan **Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun RELA Kali Ke-46**. Majlis ini diadakan bagi menghargai segala jasa dan pengorbanan yang

telah Warga RELA berikan selama ini. Konsep **Majlis HUT RELA** pada kali ini adalah unik berbanding **Majlis HUT** yang telah diadakan pada sebelum ini kerana akan melibatkan sambutan di **tiga (3) lokasi** yang berbeza pada satu waktu yang sama. Sebagai persediaan awal saya mahukan semua Warga RELA untuk berikan komitmen penuh bagi menjayakan **Majlis HUT** pada kali ini. Pada hari tersebut nanti, kita tunjuk dan buktikan kepada negara bahawa kita adalah sebuah Jabatan yang bukan sahaja komited malah adalah sebuah Jabatan yang telah mencurahkan begitu banyak khidmat bakti untuk kestabilan negara.

#### **Y.BHG DATO' SRI, DATO-DATO, DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,**

Walaupun seorang anggota RELA itu sering dilihat seperti "**wira yang tidak didendangkan**", namun yang pasti setiap Warga RELA sehingga hari ini adalah tunjang kepada kemakmuran negara. Justeru itu, kita tidak perlu berasa selesa di tahap yang sedia ada serta mesti berubah ke arah sikap yang lebih dinamis, positif, responsif serta mesti mahir menyesuaikan diri mengikut senario dan perubahan semasa. Kita semua mesti mempunyai jati diri yang tinggi, mengamalkan nilai-nilai murni dan komited terhadap tugas yang dilakukan dalam usaha untuk kita bersama-sama merakyatkan Jabatan ini sebagaimana hasrat kepimpinan tinggi perkhidmatan awam yang berhasrat '**Merakyatkan Perkhidmatan Awam**'.

Untuk itu, dalam memartabatkan hala tuju dan memantapkan imej kecemerlangan RELA, saya menyeru semua warga RELA agar terus bekerja bersama-sama saya sebagai satu keluarga. Tanamkan di dalam hati dengan iltizam dan kecekalan yang tinggi. Biar sejauhmana cabaran

dan rintangan yang mendatang namun kita masih mampu berdiri teguh dan kukuh bersama-sama. Fahamkan dan hayati sepenuhnya **Visi, Misi, dan Objektif** Jabatan agar tindakan kita nanti tidak tersasar dari landasan dan harapan semua pihak. Dan jangan lupa **mentaliti F1!**

Oleh itu, marilah kita bersama-sama berdoa semoga sepanjang tahun baru 2018, Jabatan RELA akan terus meraih dan menempa kejayaan dalam melaksanakan aktiviti dan program-program yang berimpak tinggi kepada rakyat dan negara. Bak kata pepatah inggeris ***“The journey of a thousand miles begin with the first step”***, begitu sinonim dengan Jabatan kita. Maka itu semaikan amanat saya ini sebagai sebuah landasan permulaan jabatan kita menuju ke arah kecemerlangan dan kegemilangan. Teruskan semangat **“Setia Berbakti”**, di dalam setiap perjuangan dan setiap tugas seharian yang kita lakukan. Bekerjalah dengan ikhlas, amanah dan patuh agar Jabatan RELA bukan sahaja dikenali sebagai sebuah Jabatan yang berdaya saing malah disegani oleh masyarakat sebagai sebuah Jabatan yang berintergriti dan bertanggungjawab.

Sekian wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.

***“SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2018”***

***‘SETIA BERBAKTI’***